KOSMO
Tarikh: 4/2/2012
Hari: SABTU M/S: 11
Ruangan: NEGARA

UUM, PNS bekerjasama program usahawan francais

SINTOK – Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) akan menjalinkan kerjasama membangunkan program keusahawanan francais bagi melahirkan lebih ramai usahawan di Malaysia.

Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, melalui kerjasama itu, UUM akan memberi latihan dan penyelidikan kepada usahawan manakala PNS akan memberi sokongan dan nasihat.

Beliau berkata, melalui memorandum persefahaman (MoU) itu juga, UUM turut mewujudkan Kursi Pengajian Francais yang akan ditaja oleh PNS.

"Kita percaya Kursi Francais tajaan PNS di UUM akan mengangkat bidang francais ke satu tahap yang lebih tinggi kerana ia adalah yang pertama diwujudkan di Malaysia," katanya selepas menandatangani MoU di sini kelmarin.

Beliau berkata, melalui Kursi Francais, bidang penyelidikan, kajian, pembangunan, inovasi, pembangunan potensi dan peluang sebagainya akan lebih meningkat.

"Kita juga akan bergerak ke arah melahirkan sijil, diploma dan pelbagai lagi program akademik dalam bidang francais dengan kerjasama PNS dan Institut Pembangunan Keusahawanan dan Korporat tidak lama lagi," katanya.

Mohamed Mustafa berkata, kedua-dua pihak akan mengadakan perbincangan lanjut mengenainya. – Bernama